

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Nasional

# Imam, penggerusi JKKK wajar dibantu

**PUTRAJAYA** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebahagian kekayaan dan pendapatan negara sewajarnya digunakan untuk membantu imam dan penggerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) menunaikan haji kerana mereka main peranan penting dalam urusan agama dan kemasyarakatan.

Perdana Menteri berkata, masyarakat meletakkan harapan tinggi kedua-dua kumpulan itu yang gigih melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

Katanya, semasa Program Khas Haji dilancarkan tahun lalu, beliau mendapat keadaan menyayat hati apabila ada antara imam dan penggerusi JKKK mempunyai simpanan Tabung Haji yang amat terbatas.

"Ini menyedarkan saya, kalau kita dapat mencari rezeki melalui kepimpinan dan pentadbiran untuk menjana kekayaan dan pendapatan, maka amat wajar sebahagian daripada itu kita digunakan untuk tujuan yang sangat baik dan mulia ini.

"Pada hemat saya...lebih baik kalau kita dapat menghulurkan bantuan agar imam-imam dan ketua-ketua kampung kita dapat menyempurnakan keperluan untuk menunaikan ibadah haji masing-masing," katanya pada majlis penyerahan 400 surat tawaran untuk menunaikan fardu haji di Seri Perdana di sini, semalam. Bakal jemaah haji turut menerima satu set kain ihram dan barang-an kelengkapan haji yang lain.

Turut hadir pada majlis itu

ialah Penggerusi Lembaga 1Malaysia Development

Berhad (1MDB), Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Di bawah Program Khas Haji yang kedua ini, 1MDB akan menanggung RM4 juta manakala Lembaga Tabung Haji sebanyak RM2 juta yang membolehkan 200 imam dan 200 penggerusi JKKK menunaikan haji tahun ini.

Najib berkata, sejak menerajui kepimpinan negara, beliau telah memasang niat dan ia menjadi kenyataan bermula tahun lalu, apabila seramai 111 imam dan ketua kampung berjaya sampai ke tanah suci dan menunaikan haji masing-masing. - Bernama